## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 19 MAC 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7. | PINDA AKTA 522, ELAK KARTEL BERAS TERUS 'BERKUASA' - PPBMM, SH - ONLINE<br>DEWAN NEGARA: RM8.8 JUTA DILULUSKAN BANTU PETANI TERKESAN MTL, TVS -ONLINE<br>TIGA SYOR SELESAI HARGA PADI, BERAS, DALAM NEGERI, UM -8<br>MONOPOLI PENGILANG GERGASI PUNCA BERAS TEMPATAN 'HILANG', DALAM NEGERI, UM -8<br>LEBIH 800 PEKEBUN SAYUR BAKAL GULUNG TIKAR AKIBAT RAKYAT ASING KUASAI RANTAIAN BEKALAN, MUKA DEPAN, BH -1<br>SEKTOR PERTANIAN BAKAL LUMPUH DALAM TIGA TAHUN, NASIONAL, BH -4<br>'JEJAS PEKEBUN TEMPATAN TAPI BANTU SEKURITI MAKANAN', NASIONAL, BH -4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 8.<br>9.<br>10. | KEMARAU: FAMA BERI JAMINAN BEKALAN SAYUR TIDAK TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -12<br>FAMA KELANTAN BELI, PASARKAN 170 TAN TEMBIKAI WANGI DIUSAHAKAN PETANI, NEGERI KELANTAN, SH -25<br>CUACA PANAS TIDAK JEJASKAN BEKALAN SAYUR, NEGERI KELANTAN, SH -26 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 11. | PADI FARMERS LOSING HALF THEIR INCOME DUE TO HOT SPELL, NATION, THE STAR -4 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 12.<br>13.<br>14. | UPM KONGSI ILMU HIDROPONIK DENGAN WARGA EMAS, DALAM NEGERI, UM -24 & 25<br>PERUBAHAN IKLIM JEJAS HASIL PEKEBUN KECIL, NIAGA, KOSMO -38<br>PERKASA PERANAN AGENSI PERTANIAN DEMI KELANGSUNGAN HIDUP RAKYAT, MUKA SEPULUH, BH -10 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/3/2024 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Pinda Akta 522, elak kartel beras terus 'berkuasa' - PPBMM



PPBMM) mendesak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan segera membuat pindaan atau penambahbaikan terhadap Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994 (Akta 522) bagi menamatkan sabotaj bekalan beras tempatan ketika ini. Gambar hiasan (Gambar kecil: Mohd Termizi)

ALOR SETAR - Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM) mendesak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan segera membuat pindaan atau penambahbaikan terhadap Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994 (Akta 522) bagi menamatkan sabotaj bekalan beras tempatan ketika ini.

Pengerusi PPBMM, Mohd Termizi Yoep berkata, ini kerana rakyat terpaksa menanggung beban harga beras yang terlalu tinggi akibat daripada sabotaj kartel-kartel beras.

Menurutnya, penguatkuasaan akta yang lemah serta memihak kepada kartel-kartel tersebut menyebabkan kilang-kilang kecil dan pemborong kecil juga semakin lenyap dalam industri.

"PPBMM mahu kerajaan segera menguatkuasakan serta memulihkan kembali industri yang telah 'rosak' ini.

"Hanya berbaki 11 buah kilang Melayu di seluruh negara dengan keupayaan yang rendah di tambah pula tiada perhatian khusus kerajaan kepada kilang-kilang Melayu, selain permasalahan dan bebanan ketika ini akan lenyaplah kilang Melayu yang wujud sejak era Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) lagi," katanya di sini pada Isnin.

Mohd Termizi berkata, penipuan yang dilakukan kartel ini telah berlaku sejak Jun tahun lepas namun mereka seolah-olah kebal daripada tindakan undang-undang.

"Apakah dengan alasan harga padi tinggi yang ditawarkan kepada pesawah membolehkan mereka sewenang-wenangnya menjual beras pada harga tinggi dengan menukar kepada kampit beras import?

"Untuk memonopoli bekalan padi tempatan, kilang-kilang kartel membeli padi sehingga RM2,050 metrik tan daripada pesawah sedangkan harga ditetapkan kerajaan RM1,300 metrik tan," katanya.

Menurutnya, kartel menguasai bekalan padi sehingga 100,000 metrik tan setiap kilang setahun berbanding kilang-kilang kecil hanya mampu sekitar 10,000 metrik tan setahun.

"Mustahil untuk jual beras tempatan pada harga kawalan RM26 bagi sekampit 10 kilogram (kg) akibat harga padi tinggi.

"Pastinya akan berlaku penipuan menjual beras tempatan tersebut dengan menukar kampit kepada beras Super Import yang tiada harga kawalan oleh kerajaan," jelasnya lagi.

Mohd Termizi berharap aspek lain turut diberikan perhatian oleh kerajaan dalam membanteras penguasaan kartel.

"Antaranya, mengehadkan kuota bekalan padi setiap kilang bagi mengelakkan monopoli. Tumpuan juga harus diberikan dalam membantu pemborong Melayu mendapatkan jaminan bekalan beras tempatan daripada kilang-kilang," ujarnya.

Menurutnya, kerajaan perlu mengawal lebih ketat bekalan beras import dalam negara bagi memberi peluang kepada pemborong kecil Melayu mendapatkan jaminan bekalan tanpa birokrasi melampau.

Pada Sabtu, Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal memaklumkan, terdapat kartel beras putih tempatan melibatkan empat hingga lima syarikat di negara ini dipercayai bertindak mengawal jual beli padi dan makanan ruji itu sehingga berlaku kekurangan bekalan di pasaran serta peningkatan harga.

Beliau akan membentangkan isu berkenaan dalam mesyuarat NACCOL pada 20 Mac ini supaya kerajaan boleh mengambil tindakan serius terhadap syarikat terlibat

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/3/2024 | TVS | ONLINE | |

## Dewan Negara: RM8.8 juta diluluskan bantu petani terkesan MTL



KUALA LUMPUR, 18 Mac: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meluluskan peruntukan berjumlah RM8.88 juta melalui Tabung Bencana Pertanian untuk membantu petani yang terjejas akibat Monsun Timur Laut (MTL).

Timbalan Menterinya, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, inisiatif berkenaan telah memanfaatkan seramai 2,477 golongan agro makanan yang terjejas banjir bermula 11 November 2023 sehingga 3 Januari 2024.

Jelas beliau, jumlah kerugian yang dianggarkan akibat bencana banjir itu sebanyak RM24.09 juta membabitkan jumlah keluasan tanaman 5,154.68 hektar.

"Selain itu, Agro Bank turut menawarkan Pelan Bantuan Banjir bagi pelanggan-pelanggan sedia ada yang terkesan akibat bencana MTL.

"Pelan bantuan tersebut merupakan pelan bantuan pembayaran yang melibatkan penjadualan dan penstrukturan semula pembiayaan serta tawaran moratorium sehingga enam bulan khususnya untuk pelanggan bank yang layak," katanya ketika Sidang Dewan Negara hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan daripada Senator Datuk Teo Eng Tee yang bertanya adakah KPKM telah mengenalpasti golongan petani yang terjejas akibat bencana MTL di seluruh negara dan berapa peruntukan yang telah diluluskan.

Jelasnya, pada 2023 seramai 185 individu telah diberi moratorium dengan jumlah keseluruhan bernilai RM22.76 juta.

"KPKM terus komited membantu golongan Agro Makanan yang terjejas sehingga pulih sekali gus mampu mengoperasikan semula aktiviti-aktiviti pertanian yang diusahakan oleh mereka," ujarnya lagi. -TVS

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/3/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 8 |

# Tiga syor selesai harga padi, beras

Oleh ASLINDA NASIR
Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Harga beras putih RM30 sekampit bagi 10 kilogram (kg), harga lantai belian padi dan pengapungan beras antara tiga syor akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dijadual dalam masa terdekat.

Ketika ini, harga Beras Putih Tempatan (SST) ditetapkan RM26 setiap 10kg sejak 2008 dan ia tidak pernah berubah selama 16 tahun manakala harga lantai belian padi adalah RM1,300 per tan metrik.

Bagaimanapun, beras SST sukar ditemukan di pasaran menyebabkan rakyat terpaksa membeli beras import pada kadar RM40 setiap 10kg.

Situasi ini mendorong kartel beras memonopoli bekalan padi tempatan dan kilang-kilang kartel membeli padi pada harga lebih tinggi daripada yang ditetapkan kerajaan. Harga belian padi ketika ini adalah sekurang-kurangnya RM1,700 per tan metrik.

Bagi menyelesaikan masalah tersebut, harga beras RM30 bagi sekampit 10kg dicadangkan untuk semua gred bagi merasionalisasi harga jualan di setiap peringkat yang berkaitan dalam industri beras.

Namun, harga jualan beras RM30 itu menyebabkan harga lantai belian padi menurun kepada RM1,500 per tan metrik, yang mana ia memberi kesan kepada pendapatan kira-kira 200,00 pesawah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Petugas Khas (Kluster Makanan) NACCOL, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, jika harga beras RM30 bagi sekampit 10kg dilaksanakan, ia tidak memberi ruang kepada mana-mana kartel untuk memanipulasi harga beras.

"Sebelum ini untuk harga beras SST RM26, harga lantai belian padi adalah RM1,300. Bagi rasionalisasikan kembali harga beras di pasaran setelah 16 tahun tiada kenaikan, kita cadangkan supaya untuk terus tidak membebankan pengguna yang sekarang ini terpaksa membeli pada harga RM40.

"Saya akan kekal pada cadangan RM30 untuk semua beras dan semua rangkaian pemain industri akan beli harga padi pada RM1,500 per tan metrik.

"Keseluruhan industri padi benih perlu dirasionalisasikan semula bagi mengurangkan kos pesawah untuk pengeluaran padi. Untuk sementara, kerajaan akan bantu setelah rasionalisasi ini mendapat input pertanian benih padi dengan harga yang lebih sesuai untuk dikembangkan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kata Syed Abu Hussin Hafiz, harga beras RM30 sekampit 10kg dan harga lantai belian padi RM1,500 per tan metrik itu adalah cadangan yang akan dibawa secara konsisten oleh pihaknya dalam mesyuarat NACCOL yang dijadualkan hari ini.

Beliau memaklumkan, Mesyuarat Khas NACCOL yang dijadualkan Rabu bagi memutuskan perkara-perkara berkaitan.

Sebelum ini, media melaporkan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta NACCOL diberi tempoh bagi memuktamadkan isu berkaitan harga padi dan beras.

Perdana Menteri dilapor berkata, penetapan itu memerlukan masa sebelum ini untuk mengimbangi keperluan pengguna dan pesawah supaya mereka tidak terbeban.

Dalam pada itu, seorang pegawai NACCOL yang enggan dikenali berkata, kartel atau pengilang-pengilang dipercayai sedang berpakat untuk menekan kerajaan untuk mengapungkan harga beras dalam mesyuarat berkenaan.

# Monopoli pengilang gergasi punca beras tempatan 'hilang'

**ALOR SETAR:** Monopoli pembelian padi oleh kilang-kilang gergasi yang membentuk rangkaian kartel didakwa menjadi punca kehilangan beras tempatan di pasaran termasuk kegiatan menukar kampit untuk dijadikan sebagai beras import.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM), Musonnef Md. Radzi berkata, pihak terbabit bukan sahaja memiliki kilang menyimpan dan memproses padi bahkan turut mempunyai syarikat pemborong dan peruncit sendiri yang mengawal 80 peratus pasaran beras negara.

Katanya, apabila situasi itu berlaku, pengilang kecil terutamanya yang diusahakan oleh pengusaha bumiputera tidak dapat bersaing terutamanya untuk mendapatkan stok belian padi daripada pesawah atau orang tengah.

"Padi yang ada di kilang mereka terus disalurkan kepada peruncit yang juga dimiliki rangkaian itu setelah siap proses untuk dijadikan beras. Perkara ini yang menyebabkan wujudnya monopoli sehingga mereka ada kawalan terhadap makanan ruji negara.

"Kerajaan ada polisi yang digubal tetapi mereka ini seolah-olah memiliki polisi tersendiri yang lebih berkuasa disebabkan kekurangan yang terdapat dalam Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

"Dalam situasi sekarang ini kalau mereka nak buat perkara yang lebih menghuru-harakan pun boleh sebab mereka yang pegang stok padi dan beras, bayangkan apa akan terjadi kalau mereka tidak mengedarkan beras ke pasaran termasuk beras import," katanya.

Semalam, akhbar ini melaporkan pengilang atau pengeluar beras didakwa mengaut keuntungan sehingga RM6.32 juta sehari melalui kegiatan menukar bungkusan kampit beras putih tempatan (BPT) kepada beras putih import (BPI).

Musonnef berkata, kilang-kilang gergasi terbabit mampu membeli padi sehingga mencecah RM2,000 per tan metrik daripada pesawah untuk memonopoli bekalan padi tempatan walaupun harga lantai ditetapkan kerajaan RM1,300 per tan metrik.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/3/2024 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

# Lebih 800 pekebun sayur bakal gulung tikar akibat rakyat asing kuasai rantaian bekalan

**Oleh Mohamed Farid Noh**
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Hampir 40 peratus pekebun sayur tempatan dijangka gulung tikar dalam tempoh kurang tiga tahun lagi, susulan rantaian perbekalan sayur-sayuran di seluruh negara ini mula dikuasai pendatang asing.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata ketika ini dianggarkan hanya 1,200 pengusaha kebun sayur masih bertahan dan aktif daripada 2,000 pengusaha berdaftar dengan pihaknya, berikutan pelbagai isu menyelubungi sektor sayuran negara.

Beliau berkata, lebih memburukkan lagi nasib pengusaha kebun sayur tempatan adalah isu tenaga buruh kritikal serta kos operasi yang naik mendadak, selain isu rantaian perbekalan sayur-sayuran di negara ini yang dikuasai pendatang asing.

Katanya, daripada 800 pengusaha kebun sayur yang terjejas itu, 20 peratus atau 160 daripadanya adalah pengusaha generasi muda yang kini terpaksa bertukar sektor termasuk ada yang bekerja makan gaji termasuk di Singapura.

*Nasional* 4

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/3/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |



WAN Faizatul Aniza Ismayatim (dua dari kiri) menunjukkan buah tembikai wangi yang diusahakan oleh petani di Kampung Banggol, Kota Bharu, Kelantan semalam. - UTUSAN/ ROSLIZA MOHAMED

# Kemarau: FAMA beri jaminan bekalan sayur tidak terjejas

**KOTA BHARU:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan mengesahkan pengeluaran sayur-sayuran di negeri ini tidak terjejas walaupun berdepan cuaca kemarau ketika ini.

Pengarahnya, Wan Faizatul Aniza Ismayatim berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang maklumat atau laporan serta isu berkait isu berkenaan.

"Kita (FAMA) tidak menerima apa-apa laporan berkaitan sama ada sayu tidak boleh dijual atau masalah pengeluaran berikutan cuaca panas," katanya kepada pemberita selepas Majlis Menandatangani Perjanjian (MoU) Jual Beli Tembkai Wangi Peserta Ladang Kontrak Projek Kampung Banggol di sini semalam.

Mengulas lanjut, Wan Faizatul Aniza memberitahu, cukup atau tidak bekalan di pasaran bergantung kepada penawaran serta permintaan semasa bahan mentah itu.

Media sebelum ini melaporkan pengeluaran hasil sayuran negara dijangka terjejas sehingga 40 peratus mulai bulan depan menyebabkan harganya di pasaran melambung susulan pengusaha tanaman menghadapi krisis tenaga kerja.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata ia berikutan pengumuman kerajaan baru-baru ini untuk membatalkan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini.

Katanya, senario itu akan menyebabkan harga sayuran di pasaran meningkat mendadak apabila bekalan sayuran berkurangan dengan hasil sayuran tidak dapat dikeluarkan seperti biasa akibat kekurangan tenaga kerja.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/3/2024 | SINAR HARIAN | NEGERI KELANTAN | 25 |

# FAMA Kelantan beli, pasarkan 170 tan tembikai wangi diusahakan petani



**Wan Faizatul Aniza (dua, kiri) bersama pegawai menunjukkan tembikai wangi selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Tembikai Wangi Peserta Ladang Kontrak Projek Kampung Banggol di Kota Bharu pada Isnin.**

**KOTA BHARU -** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan akan membeli dan memasarkan 170 tan tembikai wangi yang diusahakan oleh petani di Ladang Kontrak Projek Kampung Banggol di sini.

Pengarahnya, Wan Faizatul Aniza Ismayatim berkata, hasil keluaran itu akan dipasarkan ke Lembah Klang, Pahang dan Negeri Sembilan selain penuhi permintaan tempatan.

"Kita sedia maklum tembikai wangi Banggol merupakan paling manis yang ada di Malaysia.

"Projek ini diusahakan oleh 31 petani di tanah seluas 24.3 hektar," katanya pada sidang akhbar.

Sebelum itu beliau merasmikan Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Tembikai Wangi Peserta Ladang Kontrak Projek Kampung Banggol di sini pada Isnin.

Menurut Wan Faizatul Aniza, inisiatif tersebut didorong oleh permintaan tinggi terhadap tembikai wangi di pasaran lebih-lebih lagi pada Ramadan.

"Dengan cara ini FAMA dapat menjamin pendapatan pengeluar melalui kontrak pembelian.

"Selain itu, ia juga memastikan hasil pengeluaran peserta dapat dipasarkan dan tiada lambakan berlaku," katanya.

Ujarnya, FAMA membeli buah tersebut pada harga lantai RM1 sekilogram daripada petani bermula dari 19 hingga 25 Mac ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/3/2024 | SINAR HARIAN | NEGERI KELANTAN | 26 |

# Cuaca panas tidak jejaskan bekalan sayur

**KOTA BHARU** - Cuaca panas yang melanda tidak menjejaskan bekalan sayur-sayuran di negeri ini.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan, Wan Faizatul Aniza Ismayatim berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang aduan berkaitan isu tersebut.

"Kami tidak terima aduan sama ada melibatkan masalah pemasaran atau pengeluaran.

"Kita ada RTC (Pusat Transformasi Luar Bandar) yang menyediakan kemudahan dari segi pemasaran, pemborongan dan peruncitan untuk petani memasarkan sendiri produk mereka," katanya ketika merasmikan Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Tembikai Wangi Peserta Ladang Kontrak Projek Kampung Banggol pada Isnin.

Terdahulu, media melaporkan pengeluaran hasil sayuran dijangka terjejas mulai bulan depan susulan pengusaha tanaman menghadapi krisis tenaga kerja hingga menyebabkan kenaikan harga.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee berkata, ia berikutan pengumuman kerajaan untuk membatalkan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/3/2024 | THE STAR | NATION | 4 |

# Padi farmers losing half their income due to hot spell

By **IMRAN HILMY**
imran@thestar.com.my

**ALOR SETAR:** Padi farmers in Kedah are experiencing lower production yield due to the prolonged hot spell, resulting in their income dwindling by about 40% during the harvest season.

Padi farmer Wan Maharuddin Sulaiman, 67, said the current hot weather had badly affected crops.

"Other factors which contributed to the lower production were rare diseases," he said.

Wan Maharuddin, who has been a padi farmer for the past 20 years, said most farmers in the Pokok Sena and Muda Agricultural Development Authority (Mada) areas were now in the midst of harvesting their crops.

He said some have even finished harvesting and are currently awaiting further instructions from Mada on the new padi planting season.

"While waiting for the new planting season, we're using the time to repair the fields. This is also the time (for us) to fix patches or holes in the fields," he added.



**Loss of income:** A padi farmer inspecting some of his crops that dried out at Kampung Gulau in Pokok Sena, Kedah. — Bernama

Another farmer, Abdul Rahman Musa, 70, said padi farmers in Pendang were taking on other jobs to earn income during the hot spell.

"While waiting for the new season, some of us do 'kampung jobs' such as gardening or helping at the 'nat' (morning market).

"Older farmers like me spend time at home with our families and go to the surau to perform prayers and listen to sermons," he said.

Abdul Rahman said the weather in Pendang currently is scorching hot and farmers are trying to minimise their outdoor activities.

The Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) issued a heatwave warning for several areas such as Padang Terap, Sik, Baling, Kuala Muda, Pendang and Kota Setar.

The weather forecast for Kedah had indicated two weeks of sunny days, with sporadic rainfall and storms, starting last Sunday.

A check on the MetMalaysia website found that the temperature in Kedah will be between 35°C and 37°C over the next few days.

Meanwhile, Mada said the optimal water levels at the three water dams under its supervision were enough to meet the irrigation requirements for padi farming activities and household usage throughout the El Nino season.

As of Sunday, the total combined capacity of the three dams was at a stable level of 72.6%.

"The storage capacity at Pedu, Muda and Ahning dams show comfortable levels at 71.43%, 47% and 91.56% respectively," it said in a statement.

Currently, the progress status of padi cultivation activities in Mada areas showed that 77.3% were already harvested.

As such, the current use of water for irrigation purposes is at a minimum level, Mada said.

It also said the total rainfall recorded in areas under its purview up to last Saturday was a lower reading of 59mm compared with the 20-year average rainfall of 164mm.

Mada, however, said the public need not worry – adding that though the water levels in the dams had decreased slightly, they were still sufficient for the next padi cultivation season that will begin in April.

Mada also said in anticipation of the ongoing El Nino phenomenon, which is expected to continue until June, it will continue to take precautionary measures and immediate actions by maximising the use of recycling pump stations to conserve water from the dams.

"Farmers are advised to manage water usage efficiently to ensure that the water supply can be distributed effectively and to avoid wastage," it added.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/3/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 24 |




PELAJAR Sarjana Muda Sains Hortikultur dari Fakulti Pertanian dan ahli jawatankuasa induk dari ITAFoS dan Fakulti Pertanian, UPM bersama warga emas Pusat Jagaan dan Pendidikan Warga Emas Darul Insyirah, Bandar Baru Bangi pada program *Cakna Warga Emas: Dari Putra ke Bonda.*

# UPM kong

INSTITUT Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Cakna Warga Emas: Dari Putra ke Bonda bagi berkongsi ilmu dalam bidang pertanian berasaskan penanaman hidroponik dan juga tanaman hiasan di Pusat Jagaan dan Pendidikan Warga Emas Darul Insyirah, Seksyen 2, Bandar Baru Bangi, Selangor.

Ketua projek program

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/3/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI 25 | |

# si ilmu hidroponik dengan warga emas

Cakna Warga Emas: Dari Putra ke Bonda, Prof. Madya Dr. Ahmad Faizal Abdull Razis berkata, program ini dianjurkan untuk membantu warga emas di pusat jagaan ini melakukan aktiviti penanaman dengan kaedah yang betul dan juga mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah dan bermanfaat.

"Mereka telah mendapat ilmu dan tunjuk ajar secara terus tentang kaedah-kaedah penanaman pokok yang bersesuaian dengan persekitaran kawasan yang mereka diami.

"Disamping itu aktiviti yang dianjurkan bersama warga emas ini dapat memupuk mereka untuk menanam dan menjaga kesihatan sambil memenuhi masa lapang bersama-sama rakan mereka di pusat jagaan ini," katanya.

Seramai 35 orang pelajar Sarjana Muda Sains Hortikultur dari Fakulti Pertanian, enam ahli jawatankuasa induk dari ITAFoS dan Fakulti Pertanian, serta 25 peserta dari pusat jagaan ini terlibat pada program ini.

Beliau berkata, pelaksanaan program memberi impak yang positif dalam kalangan warga emas di pusat jagaan tersebut tentang kepentingan pertanian dan tanaman holtikultur.

Tambahnya, bukan hanya warga emas yang mendapat ilmu malah para pelajar yang menyertai program ini turut dapat berkongsi ilmu pertanian dengan melakukan demonstrasi.

"Hal ini juga menyumbang kepada pembentukan sahsiah dan jati diri pelajar serta membuka peluang kepada mereka untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan masyarakat pada peringkat umur yang berbeza di dalam komuniti setempat," ujarnya.

Program ini merupakan salah satu projek di bawah geran "Knowledge Transfer Grant Scheme at PTJ" (KTGS@PTJ) bermula dari Februari 2023 hingga April 2024 yang bertujuan untuk memindahkan kepakaran universiti dan memberi manfaat kepada komuniti.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/3/2024 | KOSMO | NIAGA | 38 |

# Perubahan iklim jejas hasil pekebun kecil

**PETALING JAYA** – Pahang, Sarawak, Kelantan, Sabah dan Perak adalah negeri yang paling terdedah kepada perubahan iklim yang mana boleh menjejaskan pendapatan pekebun kecil.

Bagi peringkat kawasan pula daerah Semporna, Beaufort dan Kota Belud di Sabah; Sarikei, Sibu, Belaga dan Bintulu di Sarawak, Gua Musang dan Pasir Mas di Kelantan, Temerloh, Cameron Highlands, Lipis, Kuantan, Pekan, Jerantut, dan Bera di Pahang dan Hulu Perak, Kuala Kangsar, dan Perak Tengah di Perak.

Menurut Khazanah Research Institute (KRI) bertajuk *Understanding the Landscape of Agrifood Smallholders in Malaysia: Climate Risks, Sustainable Standards and Gender Gap* mendapati faktor perubahan iklim ini turut memberi impak status keterjaminan makanan negara.

"Meskipun kita tidak dapat mengelak berlakunya cuaca ekstrim tetapi kita boleh meningkatkan daya tahan cuaca pekebun kecil," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Laporan ini berdasarkan data daripada kaji selidik pekebun kecil SEMAI yang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad (KNB) dengan kerjasama KRI dan Think City.

Kajian ini telah menemu bual seramai 3,300 pekebun kecil daripada tiga sektor makanan utama iaitu tanaman, ternakan, dan akuakultur.



**PERUBAHAN iklim bakal beri impak kepada pengeluaran hasil tani dan juga pendapatan pekebun kecil.** – GAMBAR HIASAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/3/2024 | BERITA HARIAN | MUKA SEPULUH | 10 |

# Perkasa peranan agensi pertanian demi kelangsungan hidup rakyat

- Masalah keterjaminan bekalan makanan dihadapi negara disebabkan beberapa perkara seperti kadar sara diri pertanian masih rendah menyebabkan bekalan pertanian tak mencukupi dan permintaan tinggi tidak dapat dipenuhi

- Agensi komoditi pertanian perlu menjadi penggalak pembangunan ekonomi, industri pertanian yang memberi kesan kepada perdagangan global, menyokong penciptaan pekerjaan serta merancakkan pertumbuhan ekonomi



Pensyarah Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian, UPM

Oleh Prof Dr Norsida Man
bhrencana@bh.com.my

**Sesebuah** negara dan komuniti terdedah kepada risiko kemiskinan, kegawatan ekonomi, konflik politik dan perubahan cuaca ekstrem, sekali gus menuntut satu pendekatan atau strategi lestari untuk memastikan mereka lebih ampuh dan tahan kepada perubahan masa kini atau akan datang.

Masalah sering dihadapi komuniti hari ini adalah kemiskinan dan pendapatan rendah. Ia bukan sahaja berlaku kepada komuniti luar bandar atau desa, tetapi juga di bandar. Isi rumah mempunyai pendapatan rendah disebabkan peningkatan kos sara hidup yang tinggi.

Harga barangan makanan sering meningkat menyebabkan mereka menghadapi masalah keterjaminan bekalan makanan isi rumah. Dalam hal ini, sektor komoditi pertanian sepatutnya dapat membantu mengatasi masalah yang timbul. Bagaimanapun, kejayaan sektor ini memerlukan strategi mantap dan usaha berpanjangan semua pihak.

Kelangsungan hidup komuniti atau rakyat di mana mereka berada sekali pun, soal keterjaminan bekalan makanan adalah perkara utama perlu diambil kira. Masalah keterjaminan bekalan makanan dihadapi pada peringkat negara disebabkan beberapa perkara seperti kadar sara diri pertanian masih rendah, menyebabkan bekalan pertanian tidak mencukupi dan permintaan tinggi tidak dapat dipenuhi.

Kedua, kitaran ekonomi kurang memberangsangkan mengurangkan peluang pembelian dan penggunaan. Ketiga, perubahan cuaca, musim dan iklim mengganggu kadar pengeluaran dan bekalan pertanian.

Faktor keempat pula adalah ketidaktentuan kadar inflasi, perubahan nilai faedah dan kadar tukaran dolar Amerika Syarikat (AS) menyebabkan gangguan import dan eksport serta dasar dan geopolitik tidak stabil sehingga mengganggu pengeluaran dan perdagangan pertanian.

Pada peringkat isi rumah pula, beberapa faktor seperti pendapatan isi rumah rendah dan kemiskinan menyebabkan ketidakmampuan komuniti, khasnya ketua keluarga untuk membeli makanan, ketidakupayaan mengakses makanan disebabkan faktor logistik.

Lokasi kawasan kediaman tidak strategik dan tiada produk pertanian untuk dicapai serta dimiliki turut mempengaruhi kelangsungan keterjaminan makanan komuniti.

Maka, agensi komoditi pertanian perlu memainkan peranan mantap untuk memastikan sektor komoditi pertanian boleh membantu menjamin kelangsungan hidup rakyat.

## Dikategori kepada empat pihak

Ketika ini banyak agensi terkait dengan komoditi pertanian dan mereka dikategorikan kepada empat pihak, iaitu agensi penyelidikan pertanian berperanan melaksanakan kajian meningkatkan mutu keluaran pertanian, agensi pengembangan pertanian berperanan menyebarkan pengetahuan dan teknologi, menawarkan khidmat nasihat teknikal dan motivasi serta galakan kepada petani dan pengusaha pertanian.

Ini termasuk kategori agensi pembangunan tanah dan kawasan yang berperanan membangunkan kawasan pertanian serta memastikan kesejahteraan hidup komuniti, institusi pengajian dan pendidikan pertanian yang berperanan mengeluarkan modal insan diperlukan dan melaksanakan kajian menghasilkan input dan output pertanian mencukupi lagi berkualiti.

Dalam hal ini, agensi pertanian komoditi perlu memainkan peranan penting seperti:

- Membangunkan kawasan luar bandar dengan meningkatkan akses logistik dan perhubungan melalui pembangunan kawasan pertanian.
- Meningkatkan mutu pengurusan dan pemasaran pertanian.
- Memastikan perubahan amalan dan sikap petani, pengusaha dan pemegang taruh menerusi penggunaan teknologi tinggi untuk kemajuan pertanian.
- Melonjakkan mutu pendidikan dan penyelidikan (R&D) berasaskan pertanian.
- Menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan berasaskan pertanian secara langsung dan tidak langsung dengan menyediakan kemudahan modal sumber manusia serta modal perusahaan.
- Melaksanakan pertanian secara komersial dengan menghubungkan komuniti kepada komoditi untuk kepentingan bersama bagi melonjakkan ekonomi atas sumbangan sektor komoditi pertanian.
- Meningkatkan tahap sara diri pengeluaran bahan makanan.
- Memastikan bekalan makanan mencukupi selain menawarkan bahan mentah pertanian kepada industri tambah nilai lain.



Justeru, agensi komoditi pertanian yang ada hari ini amat diperlukan negara dan komuniti untuk mengukuhkan keterjaminan makanan kerana peranannya penting dalam mengurus bahan mentah daripada pertanian, sebagai 'blok binaan' teras kepada ekonomi global. Tanpa akses kepada bahan mentah, pengeluar tidak boleh menghasilkan produk.

Agensi terbabit perlu mewujudkan rantaian bekalan teguh, urusan import dan eksport produk pertanian perlu diurus dengan baik serta cekap. Ketidakcekapan boleh menimbulkan masalah hubungan perdagangan serta menjejaskan pasaran komoditi pertanian negara.

Dalam hal ini, agensi komoditi pertanian perlu menjadi penggalak kepada pembangunan ekonomi negara, memastikan industri pertanian memberi kesan kepada perdagangan global kerana ia terikat dengan sektor ekonomi lain, menyokong penciptaan pekerjaan serta merancakkan pertumbuhan ekonomi.

Hakikat paling penting, negara yang mempunyai sektor pertanian kukuh akan mengalami pertumbuhan guna tenaga dalam sektor lain. Ia juga menunjukkan pertumbuhan produktiviti pertanian dan infrastruktur pertanian teguh mempunyai pendapatan perkapita lebih tinggi kerana petani dan pengusaha menggunakan teknologi serta amalan pengurusan ladang yang baik untuk meningkatkan produktiviti serta keuntungan pertanian mereka.

Usaha berterusan daripada komuniti pertanian dan agensi komoditi akan dapat membantu menjamin kelangsungan komuniti atau rakyat sesebuah negara seperti Malaysia dari segi keterjaminan bekalan makanan.

**Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH**